

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
SOALAN BUKAN LISAN**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**SOALAN :**

Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sebab DID Sibu selalu menyatakan bahawa peruntukan tidak mencukupi untuk menyelenggara parit-parit monsun di Sibu, terutamanya di kawasan Sg. Bidut. Senaraikan jumlah peruntukan pada tahun 2011-2015 mengikut jenis projek dan tempat ia dilakukan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua parit adalah bukan di bawah bidang kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kerana parit di tepi jalan raya adalah di bawah kuasa Jabatan Kerja Raya (JKR) manakala parit di kawasan perumahan adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

Penyelenggaraan parit-parit monsun di semua negeri di Malaysia adalah di bawah peruntukan kerajaan negeri. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dimaksudkan ini meliputi kerja-kerja membersih, memperbaiki kerosakan dan membuang kelodak di dalam sistem saliran.

Sekian, terima kasih.